

Nurofen Express Liquid Capsules

Ibuprofen (200mg, 400mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nurofen Express Liquid Capsules
2. Bagaimana Nurofen Express Liquid Capsules berfungsi
3. Sebelum mengambil Nurofen Express Liquid Capsules
4. Cara menggunakan Nurofen Express Liquid Capsules
5. Semasa menggunakan Nurofen Express Liquid Capsules
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nurofen Express Liquid Capsules
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Nurofen Express Liquid Capsules

Nurofen melegakan kesakitan seperti sakit kepala, sakit gigi, sakit datang haid, reumatik, sakit otot dan sakit belakang. Ia melegakan demam seperti demam yang berkaitan dengan selsema dan flu.

Bagaimana Nurofen Express Liquid Capsules berfungsi

Bahan aktif (yang membuatkan ubat ini berkesan) adalah *Ibuprofen*. Ia tergolong dalam satu kumpulan ubatan yang dikenal sebagai ubat anti radang yang tidak mengandungi steroid (NSAIDs).

NSAIDs memberikan kelegaan dengan menukar tindakbalas tubuh terhadap kesakitan, pembengkakan dan suhu tinggi.

Sebelum mengambil Nurofen Express Liquid Capsules

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Nurofen Express Liquid Capsules jika anda:

- Alah pada *ibuprofen* atau sebarang bahan lain atau pada *aspirin* atau sebarang ubat penghilang kesakitan.

- Pernah mengalami asma yang teruk, ruam kulit, hidung berair yang gatal atau pembengkakan muka apabila mengambil *ibuprofen*, *aspirin* atau ubatan yang serupa
- Sedang (atau pernah mengalami 2 atau lebih episod) ulser, tebukn atau pendarahan perut
- Pernah mengalami pendarahan atau tebukn gastrousus apabila mengambil NSAIDs (*non-steroidal anti-inflammatory drugs*)
- Mengalami masalah hati atau buah pinggang yang teruk
- Mengalami masalah jantung, tekanan darah tinggi atau gangguan penggumpalan darah
- Hamil pada tahap 3 bulan terakhir

-Sebelum mula mengambil

Periksa dengan ahli farmasi atau doktor anda sebelum mengambil produk ini jika anda:

- Mengalami atau pernah mengalami asma, kencing manis, kolestrol tinggi, tekanan darah tinggi, strok, jantung, hati, buah pinggang atau masalah membuang air besar.
- Mempunyai sejarah penyakit gastrousus (seperti ulcerative colitis, Crohn's disease)
- Mengalami Systemic Lupus Erythematosus (keadaan dimana sistem imunisasi menyebabkan sakit sendi, perubahan kulit dan gangguan organ lain)
- Mengandung pada awal 6 bulan

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *ibuprofen* dengan ubatan lain.

Bagi mengurangkan risiko kesan sampingan, jangan ambil produk ini dengan produk lain yang mengandungi NSAID (contohnya *aspirin*, *ibuprofen*).

Sesetengah ubatan mungkin memberi kesan atau terjejas oleh rawatan dengan *ibuprofen*.

Elakkan daripada mengambil produk ini dengan tablet kortikosteroid, antibiotik kuinolon atau ubatan yang dipreskripsi :

- Mencairkan darah anda atau mengelakkan pembekuan darah (contoh *warfarin*),
- Bagi merangsang jantung anda (contoh: glikosida) atau merawat tekanan darah tinggi,
- Bagi menolong anda membuang air (diuretik)
- Bagi supresi sementara sistem imunisasi (contoh *methotrexate*, *cyclosporine*, *tacrolimus*)
- Bagi gangguan mental atau kemurungan (e.g. *litium* atau *SSRIs*)
- Bagi rawatan HIV (contoh *zidovudine*)

Cara menggunakan Nurofen Express Liquid Capsules

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun ke atas:

Dos tunggal: 1-2 kapsul 200mg.
1 kapsul 400mg.

Sekiranya perlu, ambil dos tambahan iaitu 1 atau 2 kapsul (200 mg atau 400 mg *ibuprofen*) tetapi tidak boleh melebihi 1200mg *ibuprofen* di dalam tempoh 24 jam.

Jangkamasa antara dos adalah tidak melebihi 4 jam untuk 200 mg dan tidak melebihi 6 jam untuk 400 mg.

Sila berunding dengan doktor sekiranya produk ini diperlukan melebihi daripada 3 hari bagi kes demam atau lebih daripada 4 hari untuk melegakan kesakitan, atau gejala-gejala buruk lain.

-Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu digunakan

Ambil Nurofen Express Liquid Capsules selagi disyorkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil Nurofen Express Liquid Capsules lebih daripada yang sepatutnya, anda mungkin merasa mengantuk atau loya. Anda patut mendapatkan nasihat perubatan jika terlebih dos, walaupun anda berasa sihat.

Semasa menggunakan Nurofen Express Liquid Capsules

-Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor yang merawat anda bahawa anda mengambil Nurofen Express Liquid Capsules.

Jika anda ingin mula mengambil ubat baru, beritahu kepada ahli farmasi atau doktor bahawa anda mengambil Nurofen Express Liquid Capsules.

Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor jika simptom anda tidak bertambah baik.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Nurofen Express Liquid Capsules kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil Nurofen Express Liquid Capsules untuk merawat sebarang simptom yang lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor memberitahu anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali diberitahu oleh ahli farmasi atau doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Nurofen Express Liquid Capsules terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Nurofen Express Liquid Capsules boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan berikut boleh berlaku:

Yang paling biasa adalah gastrousus: sakit perut, loya, gangguan sistem pencernaan, cirit-birit, kembung perut, sembelit, muntah.

Lain-lain: Reaksi hipersensitiviti (urticaria dan pruritus), sakit kepala, kegagalan buah pinggang akut, gangguan hati, gangguan haematopoietic, ruam kulit.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web

atau laman web

www.npra.gov.my(Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF or Vaccines (AEFI))”

Cara penyimpanan dan pelupusan Nurofen Express Liquid Capsules

- Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Jangan simpan di tempat melebihi suhu 30°C.

- Pelupusan

Jangan gunakan selepas tarikh luput yang tertera di karton selepas EXP.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan.

Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin lembut berwarna merah dan telus, berbentuk bujur dengan logo Nurofen yang dicetak dalam warna putih.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Mengandungi bahan aktif *ibuprofen* 200mg untuk Nurofen Express 200mg Liquid Capsules.

Mengandungi bahan aktif *ibuprofen* 400mg untuk Nurofen Express 400mg Liquid Capsules.

Bahan tidak aktif

Macrogol 600, Potassium hydroxide, Purified water, Sorbitol, Gelatin, Ponceau 4R, Opacode WB white NS-78-18011 (consisting of Purified Water, Titanium dioxide, Propylene glycol, Isopropyl Alcohol, Hypromellose), Nitrogen, Medium Chain Triglycerides, Isopropyl Alcohol, Lecithin

-Nombor MAL:

MAL18016015ACRZ

MAL18016016ACRZ

Pengilang:

Patheon Softgels B.V.
De Posthoornstraat 7,
Tilburg, 5048AS, Netherlands

Pemegang Pendaftaran Produk:

RB (Health) Malaysia Sdn. Bhd. (1297081-V)
Level 17, Menara One Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP:

10/01/2018

Nombor siri:

NPRA (R1/1) 04062019/138